

Pembangunan Kerohanian Usahawan Melayu Berasaskan Prinsip Kerohanian Islam: Perspektif Usahawan Melayu Bertarekat

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 218-234
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 29 September 2024
Accepted: 24 October 2024
Published: 22 November 2024

[Spiritual Development of Malay Entrepreneurs Based on Islamic Spiritual Principles: The Perspective of Tariqah Malay Entrepreneurs]

Abu Yazid Abdul Kadir¹, Ahmad Fakhurrazi Mohamed Zabidi^{2*}
& Salmy Edawati Yaacob³

1 Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: abuyazid@gmail.com

2 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: izzar@ukm.edu.my

3 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: salmy@ukm.edu.my

*Corresponding Author: izzar@ukm.edu.my

Abstrak

Kehidupan usahawan Melayu pada hari ini masih belum benar-benar mengamalkan prinsip kerohanian Islam di dalam kehidupan seharian mereka. Setiap usahawan Melayu sebenarnya amat memerlukan lonjakan kerohanian untuk menguruskan perniagaan supaya memperolehi keuntungan yang diberkati, pendapatan yang halal, memiliki kehidupan yang sejahtera di dunia dan akhirat. Artikel ini memfokuskan kepada prinsip kerohanian Islam yang boleh diamalkan oleh seorang usahawan Melayu untuk menyejahterakan aktiviti perniagaan mereka. Artikel ini membincangkan kepentingan usahawan Melayu dalam membangunkan prinsip kerohanian Islam melalui sudut pandang amalan seorang ahli tarekat. Kajian ini turut menjadualkan perbezaan di antara usahawan Melayu yang bertarekat dengan usahawan Melayu yang tidak bertarekat melalui hubungan prinsip kerohanian Islam. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan analisis kandungan untuk penghasilan dapatan kajian. Hasil kajian mendapati prinsip kerohanian Islam memang wujud dalam diri seorang usahawan Melayu dan ternyata prinsip ini amat memerlukan bimbingan oleh seorang guru mursyid dari kumpulan tarekat yang muktabar. Amalan kerohanian usahawan Melayu bertarekat seperti suhbah, tazkiyah, zikir, selawat, dan solat dapat meningkatkan keyakinan diri dan memupuk akhlak yang beradab di dalam bidang keusahawanan. Di samping itu, pengkaji mencadangkan keperluan untuk kajian masa depan dalam mencari perbezaan antara usahawan Melayu bertarekat dengan usahawan Melayu yang tidak bertarekat.

Kata kunci: Kerohanian Islam, Usahawan Melayu, Usahawan Melayu bertarekat, Amalan kerohanian

Abstract

The lives of Malay entrepreneurs today have not yet really practiced the Islamic spiritual principles in their daily lives. Every Malay entrepreneur really needs a spiritual leap to manage his business to obtain blessed profits, halal income, and have a prosperous life in this world and the hereafter. This article focuses on Islamic spiritual principles that can be practiced by a Malay entrepreneur to make

their business activities prosperous. This article discusses the importance of Malay entrepreneurs in developing the spiritual principles of Islam through the perspective of the practice of a tariqah member. This study also tabulates the difference between tariqah Malay entrepreneurs and Malay entrepreneurs through the relationship between Islamic spiritual principles. This study is a qualitative study that uses interview methods and content analysis to produce study findings. The results of the study found that the spiritual principles of Islam do exist in a Malay entrepreneur, and it turns out that this principle needs guidance by a mursyid teacher from an authoritative religious order. The spiritual practices of religious Malay entrepreneurs such as suhba, tazkiyah, dhikr, salawat, and prayer can increase self-confidence and cultivate civilized morals in the field of entrepreneurship. In addition, the researcher suggests the need for future studies in finding differences between tariqah Malay entrepreneurs and Malay entrepreneurs.

Keywords: Islamic Spirituality, Malay Entrepreneurs, Tariqah Malay Entrepreneurs, Spiritual Practices.

Cite This Article:

Abu Yazid Abdul Kadir, Ahmad Fakhurrazi Mohamed Zabidi & Salmi Edawati Yaacob. (2024). Pembangunan Kerohanian Usahawan Melayu Berasaskan Prinsip Kerohanian Islam: Perspektif Usahawan Melayu Bertarekat [Spiritual Development of Malay Entrepreneurs Based on Islamic Spiritual Principles: The Perspective of Tariqah Malay Entrepreneurs]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 218-234.

Pengenalan

Sejarah telah membuktikan bahawa orang Melayu pernah membina budaya perdagangan dan perniagaan sehingga alam Melayu dikenali di seluruh dunia semasa zaman Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka (Wahid, Nadia & Aziz 2015). Pelabuhan yang strategik di Selat Melaka telah menarik minat pedagang dari Arab, India, Eropah dan China untuk melakukan aktiviti perdagangan antarabangsa terutamanya perdagangan rempah ratus. Kebijaksanaan pemimpin Melayu bersama para pedagang dan ahli perniagaan Melayu dalam menyediakan iklim perdagangan yang baik telah menyemarakkan alam Melayu ini sebagai pusat perdagangan antarabangsa (Yussof et al. 2011).

Menurut Joni (2008) pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah bersifat material dan kerohanain, merangkumi tidak sahaja pembangunan ekonomi, tetapi juga merangkumi pembangunan manusia, pembangunan sosial, dan pembangunan kebudayaan. Dalam perkataan lain impak kepada pembangunan ekonomi dalam Islam adalah syumul, merata dan bermatlamatkan falah untuk pembinaan Ummah yang bertamadun. Manakala, dari sudut pembangunan keusahawanan Islam mestilah memenuhi tuntutan kesinambungan fardu kifayah (Mohd Sabri Mamat, Hassan & Abdul Halim Tamuri 2009). Seorang usahawan Melayu wajib membekalkan barang keperluan yang tidak mencukupi dalam masyarakat hari ini. Walau bagaimanapun, setiap kumpulan usahawan terlebih dahulu diwajibkan untuk memenuhi tuntutan urusan dalaman mereka. Inilah perkembangan prinsip kerohanian Islam yang akan membentuk usahawan menjadi insan yang baik kepada masyarakat (Qardawi 2001).

Setiap usahawan Melayu harus mendalami kepentingan prinsip kerohanian Islam dalam kehidupan mereka. Zain, Rafi & Asyraf (2014) menyatakan bahawa kerohanian berkait rapat dengan elemen dalaman yang berteraskan keimanan kepada Allah SWT, mewujudkan sikap

positif, dan bertindak atas tindakan mereka dalam amalan keusahawanan. Kerohanian dalam Islam akan menjadikan seorang Muslim yang sempurna amal ibadatnya kepada Allah SWT dan menjadi manusia yang berharga kepada masyarakat dengan amalan khidmatnya (Hawwa, 2004).

Kita seringkali mendengar bahawa usahawan Melayu selalu dimomokkan dengan pandangan yang negatif bahawa mereka tidak boleh menandingi pencapaian kejayaan dengan usahawan bangsa yang lain (Wahid, Nadia & Aziz 2015). Kenyataan sebegini sebenarnya telah membelakangkan kebolehan sebenar usahawan Melayu yang pernah mengawal zon perdagangan di Selat Melaka suatu masa dahulu. Jadi, proses untuk membuang tanggapan negatif sebegini, usahawan Melayu perlu memahami bahawa perniagaan merupakan salah satu dari tuntutan agama Islam.

Cabaran sebenar yang dihadapi oleh usahawan Melayu pada hari ini ialah untuk meninggalkan '*Saka Perniagaan Melayu*' yang begitu payah untuk dihilangkan seperti hasad dengki dengan sesama peniaga (Azmi 2008), menggunakan tangkal atau bomoh (Ainun Jariah 2016), tamak dalam mengambil keuntungan dan tidak membayar zakat (Ram Al Jaffri Saad et al. 2007) . Selain itu, usahawan Melayu sering menghadapi cabaran untuk terus beristiqamah dengan amalan kerohanian yang memerlukan tumpuan dan pengurusan masa yang efisien.

Justeru, kajian ini mendalami prinsip kerohanian Islam dari sudut pandang tujuh orang usahawan Melayu bertarekat yang akan membawa keharmonian dan kesejahteraan dalam dunia keusahawanan pada hari ini. Usahawan Melayu yang bertarekat adalah usahawan yang sedang mengamalkan prinsip kerohanian Islam di bawah bimbingan seorang guru mursyid. Menurut (Badaruddin & Mahyuddin 2021) menyatakan bahawa seorang guru mursyid adalah pemegang sanad asas bersalik di dalam proses mentarbiah dirinya kepada Allah SWT.

Makna Kerohanian

Maksud perkataan kerohanian berasal daripada perkataan roh. Perkataan roh dipanggil jisim latif. Jisim Latif bermaksud bahagian diri yang halus atau ghaib dan jisim yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar atau sesuatu yang tidak boleh dibahagikan. Kerohanian mempunyai unsur yang terdiri daripada akal, nafsu, jiwa, dan hati yang dikenali sebagai Kerohanian Latifah. Komponen rohani Islam adalah asas kepercayaan dan keyakinan kepada Allah SWT, yang merupakan elemen penting dalam mewujudkan jambatan hubungan antara manusia dengan Tuhannya. Menurut al-Ghazali (1998), dalam mengembangkan teori kemanusiaan, terdapat empat unsur kerohanian dalam diri manusia, yang terdiri daripada akal, nafsu, jiwa, dan hati, yang perlu dijadikan sebagai unsur dalam pembinaan model kerohanian usahawan Melayu.

Fungsi utama kerohanian adalah sebagai pentadbir sistem dalaman seseorang individu. Sekiranya kerohanian seorang usahawan mentadbir sistem dalaman dengan adil, badannya akan sihat dan selamat. Tetapi jika rohaninya secara tidak adil mengawal sistem dalaman, seluruh tubuhnya menjadi tidak sihat dan tidak selamat. Terdapat dua jenis sifat dalam kerohanian, pertama mahmudah (terpuji), dan kedua mazmumah (tercela). Ibn Qayyim (2005) menyatakan bahawa perbuatan yang dizahirkan oleh anggota badan akan mencerminkan keadaan rohani seseorang. Jika hati bersih, maka baiklah perbuatannya. Jika hatinya kotor, maka salahlah amalnya.

Qardawi (2001) menyatakan bahawa kebersihan rohani akan mempengaruhi keadaan dalaman yang bebas daripada nilai-nilai negatif yang ditunjukkan oleh tingkah laku. Apabila seorang usahawan membawa sifat-sifat mahmudah kepada dirinya dan perniagaannya, kehidupan usahawan itu akan terjamin kerana dia telah mengikut jalan yang betul dalam syariat Islam. Sebaliknya, jika dia membawa sifat mazmumah dalam dirinya dan perniagaannya, hidupnya akan menjadi tidak terjamin kerana dia telah mengikut jalan yang salah dalam syariat Islam.

Justeru, prinsip kerohanian Islam dapat melahirkan usahawan Muslim yang cemerlang, patuh kepada perintah Allah SWT dan menjadi manusia yang berfungsi dalam masyarakatnya (Ḥawwā, 1979). Kerohanian mewujudkan hubungan harmoni antara dunia dan akhirat dalam konteks perniagaan (Beekun, 1997); iaitu pemikiran, perasaan, dan tindakan dipandu oleh unsur ketuhanan yang mengawal setiap amalan dan tingkah laku mereka.

Kajian Literatur

Kerohanian Islam yang lahir dari setiap manusia dapat dimanfaatkan untuk menjadi kekuatan berupa kecerdasan kerohanian Islam, unsur ini wujud dalam diri setiap manusia (Yuliyatul Hijriah 2016). Kecerdasan kerohanian Islam ini mampu dilaksanakan dalam aktiviti perniagaan untuk mencapai kesinambungan perniagaan iaitu pada peringkat pengurusan pengeluaran, pemasaran, modal, dan sumber manusia. Orientasi kesinambungan perniagaan menurut Islam bukan sahaja untuk mencapai keuntungan, tetapi juga untuk mencapai kemaslahatan rohani iaitu keredaan Allah SWT dan keberkatan.

Adi Setia (2020) menyatakan bahawa ekonomi ihsani (cemerlang) ialah sistem ekonomi Islam berasaskan kerjasama, tolong-menolong, saling tolak ansur, dan perkongsian. Prinsip-prinsip ini berdasarkan nilai-nilai Islam seperti belas kasihan, kesyukuran, pemurah, dan kesederhanaan. Mereka juga memasukkan konsep khalifah, iaitu, manusia, sebagai wakil Tuhan di bumi, bertanggungjawab kepada Tuhan atas kepercayaan yang diberikan kepada mereka untuk bertindak menurut kehendak Tuhan. Sebelum seorang manusia dapat dilantik menjadi khalifah, terlebih dahulu mereka perlu melihat aspek pembangunan jasmani dan rohani.

Mohd Zain (2015) merumuskan bahawa ciri-ciri usahawan Islam yang berkembang maju merujuk kepada lima kriteria. Pertama usahawan amat perlu untuk menetapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dalam bentuk keyakinan terhadap kekuasaan-Nya atas segala sesuatu sebagai asas dan motivasi utama dalam aktiviti keusahawanan. Kedua usahawan hendaklah mencapai kejayaan dan pembangunan perniagaan tanpa mengenyepikan prinsip akhlak dan syariah dalam semua aktiviti dan urusan niaga. Ketiga usahawan mesti mempunyai kesedaran dan keupayaan untuk menyumbang dan membantu demi kesejahteraan dan kemaslahatan masyarakat khususnya orang Melayu. Keempat usahawan sebenarnya mesti melakar kejayaan dalam perniagaan sebagai wasilah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dalam konteks penyembah dan khalifah Allah SWT di muka bumi. Kelima usahawan mesti membangunkan sikap positif dan cemerlang dalam pengurusan perniagaan hasil daripada kesedaran dan motivasi rohani yang mendalam.

Syed Nawab (1981) menjelaskan bahawa perniagaan Islam mempunyai empat prinsip asas: tauhid, keseimbangan, kebebasan, dan tanggungjawab. Imam al Syaybani pula telah menyentuh lima sifat dalaman yang harus dimiliki oleh seorang usahawan iaitu zuhd (ketakutan tamak), wara' (takut terhijab selama-lamanya daripada Tuhan), sabr (sabar/teguh), syukur (bersyukur), dan tawakkal. (bertawakkal kepada Allah SWT /menyerahkan sepenuhnya kepada kehendakNya). Seorang usahawan Melayu yang berfikiran waras akan mengetahui had yang munasabah dalam mencari rezeki. Di samping itu, usahawan akan terhindar daripada amalan yang dilarang dalam keusahawanan dan perasaan iri hati terhadap usahawan yang berjaya.

Hasil kajian Mardani (2019) menunjukkan bahawa tahap kerohanian kepimpinan dan jamaah tarekat memberi impak yang luas dan mendapat sokongan dari masyarakat Islam setempat. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara amalan kerohanian jamaah tarekat dengan semangat untuk menjalankan perniagaan oleh seseorang usahawan bertarekat. Di samping itu juga, usahawan bertarekat dapat membantu dan memperkasakan masyarakat melalui mewujudkan peluang perniagaan atau peluang pekerjaan. Mursyid Tarekat Idrisiyyah menyatakan bahawa tarekat ini mestilah boleh berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain dalam apa cara sekalipun. Hasil dari gesaan ini maka beberapa perniagaan telah dibangunkan seperti pertanian, penternakan, perikanan, pelancongan, koperasi dan lain-lain. Perniagaan yang diusahakan di bawah Jamaah Idrisiyyah ini berkembang pesat kerana mendapat sokongan dari masyarakat Islam walaupun terdapat persaingan dari peniaga asing (Mardani 2019).

Menurut pengkaji (Iqbal Ramadhan 2022) menyatakan bahawa perjalanan 'Tarekat Sunan Anbia' adalah terkandung dalam penyatuan keserasian antara ekonomi, ilmu, dan kedudukan. Semangat kerohanian yang di miliki oleh jamaah tarekat ini dapat dizahirkan dari sudut ekonomi pencapaian sampai ke konglomerat, dari sudut ilmu pencapaian sampai ke Harvard, dan dari sudut kedudukan sampai ke ihsan. Hadzrullathfi, Omar & Musa (2015) menyatakan tarekat dalam golongan sufi merujuk kepada suatu bentuk penghayatan khusus yang dipraktik oleh para salik, iaitu orang-orang yang benar hati mereka untuk menuju kepada jalan keredaan Allah SWT, dengan cara merentasi pelbagai perubahan sifat hati (*al-manazil*) serta menghiasi diri dengan pelbagai tingkat keyakinan (*maqamat al-yaqin*)

Metodologi

Data berkaitan kajian prinsip asas kerohanian Islam diambil daripada kajian perpustakaan. Kajian mengenai analisis deskriptif telah memfokuskan kepada prinsip dan teori kerohanian Islam, yang kemudiannya dianalisis untuk membuat kesimpulan. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan maklumat tentang prinsip kerohanian Islam dari perspektif seorang usahawan Melayu bertarekat. Usahawan Melayu yang disasarkan telah dipilih dalam kajian ini secara persampelan bertujuan, dan temu bual mendalam digunakan untuk mengumpul data mereka.

Kriteria pemilihan usahawan Melayu bertarekat sebagai peserta kajian mestilah seorang lelaki beragama Islam, berumur 25 tahun ke atas, dan menganggotai sebuah kumpulan tarekat yang muktabar. Selain itu, mereka mesti mempunyai perniagaan yang sah dan telah berdaftar dengan pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia melebihi daripada lima tahun.

Dalam kajian ini, seramai 7 orang usahawan Melayu bertarekat dari Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kedah telah dipilih sebagai peserta kajian untuk ditemu bual. Selain itu, mereka mesti mempunyai pengalaman dalam mengendalikan aktiviti perniagaan adalah antara 5 hingga 30 tahun. Perbezaan tahun menunjukkan pengetahuan asas setiap peserta kajian menjalankan prinsip dan amalan berkaitan pembangunan kerohanian. Semakin lama seorang usahawan Melayu bertarekat menjalankan operasi perniagaan, maka semakin banyak pengalaman kerohanian yang mereka bawa dalam dirinya.

Peserta kajian yang dipilih terlibat dalam perniagaan yang berbeza-beza supaya pelbagai prinsip yang diadaptasi oleh usahawan Melayu bertarekat dalam kehidupan mereka mudah diperolehi. Peserta kajian pertama (PK1) adalah dari aliran Shatariah, peserta kajian kedua (PK2) dari aliran Nasyaqbandhi Kholidi, peserta kajian ketiga (PK3) dari aliran Ahmadiyah, peserta kajian keempat (PK4) dari aliran Nasyaqbandhi Qadariah, peserta kajian kelima (PK5) dari aliran Nasyaqbandhi Kholidi, peserta kajian keenam (PK6) dari aliran Chistiyah, dan peserta kajian ketujuh (PK7) dari aliran Muhammadiyah. Kepelbagaian aliran kumpulan tarekat yang dipilih adalah signifikan bagi pengkaji untuk melihat syarat dan amalan yang diterima oleh ahli tarekat. Maklumat demografi informan adalah seperti di bawah:

Jadual 1: Malumat Demografi Informan

Informan	Jenis Perniagaan	Jenis Tarekat	Umur	Lokasi	Pengalaman perniagaan
PK1	Produk makanan sunnah	Shatariah	56	Kuala Nerang, Kedah	8
PK2	Produk makanan tradisional	Nasyaqbandhi Kholidi	68	Taiping, Perak	12
PK3	Produk muslim	Ahmadiyah	47	Bangi, Selangor	7
PK4	Penulis buku	Nasyaqbandhi Qadariah	62	Bangi, Selangor	24
PK5	Pengasas pondok	Nasyaqbandhi Kholidi	46	Kampung Gajah, Perak	12
PK6	Firma audit dan perakaunan	Chistiyah	58	Setapak, Kuala Lumpur	16
PK7	Pengasas pondok	Muhammadiyah	38	Seremban, Negeri Smbilan	5

Data dikumpulkan daripada peserta kajian menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan asas berdasarkan objektif kajian digunakan sebagai panduan dalam temu bual mendalam. Perbincangan dengan peserta kajian adalah terbuka dan boleh dikembangkan mengikut budi bicara penyelidik dan juga pihak peserta kajian. Data dianalisis melalui analisis tematik untuk dijadikan tema dan dikategorikan bagi membantu pengkaji membuat huraian dan perbincangan.

Dapatan Kajian

Pengkaji mendapati bahawa pembinaan prinsip kerohanian Islam untuk usahawan Melayu adalah berpunca daripada dua keadaan iaitu syarat yang khusus dan syarat yang umum. Selain itu, pengkaji mendapati bahawa setiap usahawan Melayu mesti mempunyai amalan yang khusus dan amalan yang umum di dalam proses pembinaan prinsip kerohanian Islam. Gabungan syarat khusus, syarat umum, amalan khusus dan amalan umum akan menghasilkan prinsip kerohanian yang jitu dalam diri seorang usahawan Melayu. Hasil temu bual bersama informan mendapati bahawa seorang usahawan Melayu bertarekat lebih mudah untuk mengaplikasikan semua amalan khusus dan mereka akan sentiasa mematuhi semua syarat khusus yang dipersetujui dengan guru mursyid.

(i) Pertama usahawan Melayu mesti melalui syarat umum.

Dalam prinsip kerohanian Islam, syarat umum yang pertama ialah setiap usahawan Melayu mesti mempunyai akidah yang betul iaitu ahli sunnah wal jamaah. Usahawan Melayu yang masih membawa pegangan luar dari akidah ahli sunnah waljamaah (ASWJ) akan menghadapi masalah untuk proses pembangunan kerohanian mereka. Mereka akan sentiasa berada di luar landasan kerohanian Islam yang sebenar jika mereka menyertai mana-mana kumpulan yang tidak diiktiraf akidahnya seperti Syiah dan Wahabi. Natiujahnya, akan berlaku konflik kecil atau besar di dalam diri usahawan Melayu untuk mendalami dan memahami ilmu prinsip kerohanian Islam yang bukan berpaksi kepada akal logik seorang manusia. Prinsip kerohanian Islam amat memerlukan pegangan akidah yang tulen untuk beriman secara total dalam semua perkara yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis.

Menurut peserta kajian PK2 (UT, Tuan Guru Sidek Noor) menyatakan bahawa “Dia mula pada akidah, dan ibadah, lepas tu kena mengaji ilmu tasawuf la..lepastu kita jumpa la”. Beliau turut menyatakan bahawa “Makrifah iaitu mengenal Allah SWT mestilah melalui toriq atau Tariqah. Mengikut sunnah Nabi SAW, beriman dengan akidah yang betul dan beramal dengan amalan yang betul”. Setiap kumpulan usahawan mesti mempunyai kepercayaan yang betul untuk membangunkan kerohanian yang sesuai dan tidak mengembangkan kerohanian yang salah atau sesat dalam diri mereka atau perniagaan mereka.

Manakala, peserta kajian PK3 (UT, Ustaz Hassan Wahab) menyatakan bahawa “Cuma dari sudut akidah perlu jelas, bahawa apa yang mereka lakukan hanya usaha, dan usaha itu hanya asbab sahaja. dan tidak bergantung kepada usaha. Ini bertepatan dengan ahli sunnah wal jamaah. Kita tidak bergantung harap langsung kepada usaha. Tetapi kita tidak meninggalkan usaha. Kita bergantung harap kepada Allah SWT, dan pada masa yang sama, pada masa yang sama kita tidak meninggalkan usaha”. Usahawan Melayu amat memerlukan akidah yang jelas supaya mereka tidak mudah terpesong dengan mana-mana ajaran yang bertentangan dengan agama Islam. Sekiranya akidah usahawan Melayu sudah terpesong, isu berkaitan dengan halal dan haram juga mudah diselewengkan demi meraih keuntungan dalam perniagaan.

Dalam prinsip kerohanian Islam, syarat umum yang kedua ialah setiap usahawan Melayu perlu mempunyai asas syariat yang kukuh, supaya tidak melanggar mana-mana undang-undang yang telah ditetapkan di dalam agama Islam (Hanapi & Muhammad 2017).

Setiap usahawan Melayu mesti mematuhi setiap undang-undang atau setiap larangan yang ada dalam agama Islam seperti riba, minum arak, berjudi, bunuh, dan lain-lain lagi. Prinsip asas yang perlu difahami oleh setiap usahawan Melayu ialah mematuhi lima hukum taklifi (mendefinisikan) iaitu wajib (diutamakan), haram (ditinggalkan), syubhah (dijauhan), sunnah (diamalkan), dan makruh (dikurangkan) (Zabidi, Kadir & Yaacob 2023). Sebagai usahawan Melayu, mereka mesti memandang serius hukum-hukum taklifi. Proses ibadah dalam setiap aktiviti keusahawanan akan menjadi lebih mudah setelah usahawan Melayu memahami prinsip-prinsip hukum taklifi. Ibadah ialah segala usaha manusia, sebarang tindakan fikiran dan ucapan, dilakukan dengan ikhlas tanpa menderhaka kepada Allah SWT, yang tidak memutuskan hubungan dengan Allah SWT.

Peserta kajian PK1 (UT, Tuan Guru Syeikh Zainul Asri) menyatakan bahawa “jadi syariat tu penting, syariat la yang paling penting sekali. Bila kita bersyariat, baru lah kita bertarekat.” Kehidupan usahawan Melayu pada hari ini masih belum benar-benar mengamalkan prinsip kerohanian Islam dan mereka lebih menikmati prinsip kemodenan yang telah menjadi sebahagian dari kehidupan mereka. Menurut beliau lagi “Jadi kita main sangat, nanti kita jatuh. Jatuh tergelinciq tengah jalan. Maknanya berhati hati. Maknanya syariat ni, kita lebih berhati hati terhadap pelaksanaan. Tarekat ialah kita lebih berhati hati terhadap pelaksanaan berat.”

Manakala, peserta kajian PK3 (UT, Ustaz Hassan Wahab) menyatakan bahawa bidang keusahawanan adalah termasuk di dalam perkara ibadat selagi mana ianya tidak bertentangan dengan syariat. Berikut adalah kenyataan beliau “Pada hemat saya, keusahawanan ini termasuk dalam perkara ibadat. Jadi, dia tidak akan jadi ibadah bilamana ia bertepatan dengan syariat. Dan apa saja yang kita lakukan, hatta kita..nikah kahwin sekali pun dia akan jadi ibadah. Sekiranya kita benar benar melakukan atas dasar syariat.”

Sementara peserta kajian PK2 (UT, Tuan Guru Sidek Noor) menyatakan bahawa “Keimanan ni dia akan menjadi kuat apabila kita melakukan ibadah. Dia akan menjadi lemah apabila kita melakukan dosa”. Inilah punca utama ramai usahawan gagal dalam perniagaan. Mereka telah terlibat dalam pelbagai perkara keruntuhan rohani, seperti perbankan konvensional berasaskan aktiviti riba, tidak membayar zakat, menipu timbangan, dan menyorok barang.

Dalam prinsip asas kerohanian Islam, syarat umum yang ketiga ialah setiap usahawan Melayu perlu menuntut ilmu tasawuf. Terdapat seorang peserta kajian yang menyatakan bahawa prinsip kerohanian Islam boleh berkembang maju apabila usahawan Melayu membawa masuk ilmu tasawuf di dalam diri mahupun perniagaan mereka. Peserta kajian PK4 (UT, Dr. Surtahman Kastin) menyatakan bahawa usahawan Melayu pada hari ini perlu meningkatkan kualiti akhlak dengan membawa masuk ilmu tasawuf dalam kehidupan mereka. Berikut adalah kenyataan beliau. “Kerohanian ni dia berkait kepada kita punya fikiran. Mana fikiran yang baik, akan membawa kepada usaha yang baik. Dan fikiran tu, biasanya datang dari hati jugak. Dia punya Kerohanian ni dia berkait dengan Akal. Dia bukan berkait dengan hati. Hati tasawuf. Akhlak”. Selain itu, ilmu tasawuf ialah ilmu yang memfokuskan kepada tingkah laku dalaman seseorang ahli tariqah yang berkaitan dengan tazkiyah, riyadah dan mujahadah (Faiz 2017).

Ilmu tasawuf bukan soal perbualan tetapi lebih kepada adab dan psikologi kepada seorang ahli tarekat. Lazimnya, hanya ahli tarekat sahaja yang dapat mempelajari dan mengaplikasi limpahan ilmu kerohanian dan amalan kerohanian yang telah diajarkan oleh guru

mursyid. Orang yang tidak bertarekat tidak akan mudah memahami dan menguasai prinsip kerohanian Islam yang memerlukan psikologi dan bimbingan daripada seorang guru mursyid. Peserta kajian PK4 (UT, Dr. Surtahman Kastin) turut menyatakan bahawa “ramai usahawan yang sanggup mempelajari ilmu dunia, dan tidak ramai usahawan yang sanggup mempelajari ilmu akhirat terutama ilmu tasawuf”.

Ilmu tasawuf melibatkan prinsip kerohanian Islam iaitu menghilangkan sifat mementingkan diri dalam setiap golongan usahawan (Syamsuri & Ridwan 2019). Tidak sepatutnya mana-mana usahawan mengatasi kebaikan yang telah mereka lakukan. Sebaliknya, mereka akan membuka jalan yang paling komprehensif untuk mengejar kebaikan seluruh dunia. Bukan niat mana-mana usahawan untuk menunjukkan dia seorang sahaja yang baik, tetapi dia harus berasa tidak selesa apabila dia seorang sahaja yang boleh melakukan kebaikan. Tahap ujian akan meningkat apabila usahawan menghadapi kesukaran menangani perasaan ujub (sia-sia; bongkak diri), kibr (memikirkan seseorang itu lebih baik daripada orang lain), riyā' (megah), dan takabur (bertindak seolah-olah seseorang itu lebih baik daripada orang lain). lebih baik daripada orang lain) dalam diri mereka sendiri. Inilah yang dimaksudkan oleh Imam al-Shaybani apabila menyentuh lima sifat batin yang perlu ada pada seorang usahawan iaitu zuhd (menjauhi duniawi), wara' (takut terhijab selama-lamanya daripada Allah SWT), sabr (sabar), syukr (syukur) dan amanah (tawakal) (Adib et al. 2014).

Dalam prinsip kerohanian Islam, syarat umum yang keempat ialah setiap usahawan Melayu mesti berusaha untuk berkawan dengan orang-orang yang berakhlak sufi dan soleh serta orang-orang tua yang sudah terlepas daripada segala rencam kehidupan dunia dan sedang mempersiapkan diri untuk pulang ke akhirat. Usahawan Melayu perlu mendapatkan segala ilmu berkaitan prinsip kerohanian daripada mereka. Sekiranya usahawan Melayu tidak berusaha untuk berkawan dengan mereka, dikhuatiri usahawan Melayu akan melakukan kesilapan untuk mendapatkan kefahaman tentang asas kerohanian. Jadi, inilah syarat umum yang paling mudah untuk usahawan mempelajari asas-asas kerohanian Islam.

Menurut peserta kajian PK2 (UT, Tuan Guru Sidek Noor) menyatakan “jadi inshaallah berkawan dengan Ahli sufi yang berjihad sufi. Sebab kawan ni dia akan menarik kita, kawan yang baik dia akan Tarik kita jadi baik, kawan yang jahat dia akan Tarik jadi jahat la kan.”. Walaupun bidang kerohanian dipandang serong oleh segelintir golongan yang menolak tasawuf, setiap usahawan Melayu amat perlu mengorak langkah untuk membina hubungan dengan kumpulan usahawan Melayu bertarekat agar mendapat maklumat yang tepat dan bertukar-tukar pandangan tentang bidang kerohanian.

(ii) Kedua usahawan Melayu mesti melalui syarat khusus.

Dalam prinsip asas kerohanian Islam, syarat khusus yang pertama ialah usahawan Melayu perlu mencari seorang guru mursyid di dalam kumpulan tarekat yang muktabar. Fungsi utama seorang guru mursyid ialah membina hubungan atau perhubungan dengan Allah SWT untuk anak muridnya. Dia mesti tergolong dalam silsilah (nasab rohani) atau sanad (rantai rohani) daripada aliran tariqah muktabar (yang dimuliakan dan bereputasi). Seorang guru mursyid mesti berpegang teguh dengan ilmu fekah dan tauhid serta syariat. Dia pasti telah menyelesaikan suluk (jalan kerohanian) dan menemani serta berkhidmat dengan syeikhnya.

Menurut peserta kajian PK5 (UT, Ustaz Zamani) menyatakan bahawa “Tarekat la, dia kena ada berguru la. sebab Dia berniaga ni kan, dia berniaga ni kena ada satu orang kata apa, management pengurus hati dia. Pengurusan hati dia tu lah dinamakan mursyid. Guru la. Jadi amalan dia mesti ada amalan tarekat”. Dalam dada setiap guru mursyid, pasti ada jalan pertalian yang dinamakan 'rabitah' (ikatan guru dengan gurunya). Baris sanad ini menghubungkan dada setiap guru mursyid kepada Nabi Muhammad SAW kerana baginda merupakan mata air sifat-sifat rohani dan akhlak seperti ridha, tawakkal, ketenangan, dan kesyukuran. Guru mursyid memimpin ahli-ahli tariqah dalam amalan-amalan seperti selawat dan zikir dalam membina saluran rohani untuk anak-anak didiknya.

Peserta kajian PK3 (UT, Ustaz Hassan Wahab) menyatakan bahawa “kita perlu mencari orang yang mendapat pusaka rohani tadi, mursyid ini adalah pewaris nabi dan nabi ini tidak mewarisi dinar dan dirham, mursyid ini mewarisi ilmu kenabian”. Setiap usahawan Melayu amat perlu mendapatkan warisan rohani daripada guru mursyid melalui jalan tarekat yang muktabar. Pengalaman bersemuka dengan guru mursyid, yang akan menyingkap segala rahsia kerohanian, adalah tidak ternilai dan tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Inilah pengalaman paling bermakna bagi seorang usahawan Melayu bertarekat.

Dalam prinsip asas kerohanian Islam, syarat khusus kedua ialah setiap usahawan Melayu menjadi seorang anak murid kepada seorang guru mursyid. Usia, harta, pangkat, pendidikan, keturunan dan ilmu yang dimiliki oleh seorang usahawan Melayu akan diabaikan apabila dia telah berbaiat kepada guru mursyid. Seseorang yang berstatus murid perlu melibatkan diri dalam sesuatu yang diajar oleh gurunya dengan bersungguh-sungguh (Alya & Muhammad Hazmi Fuad 2019). Mereka juga hendaklah mematuhi segala peraturan adab dan akhlak yang telah diajarkan oleh guru mereka. Adab dalam kehidupan ahli tariqah adalah pengajaran yang berakhlak, kerana tanpa adab, seorang murid tidak dapat mencapai matlamat utama kehidupan seorang ahli tarekat.

Menurut peserta kajian PK5 (UT, Ustaz Zamani) menyatakan “Ni pandangan saya. Kalau sebenarnya tarekat ni apa saja jalan tarikat, dia dah ada guru dia sendiri. Murabbi dia sendiri, dia akan ambil apa orang kata, ambil panduan. Dia bukan buat ikut nafsu dia’. Kadang-kadang orang masa dia senang, dia lupa guru. Masa dia susah-susah besok, ha baru mula dia mencari guru. Jadi dia dah siap ada guru. Guru tu guide, kamu kena buat apa? Kamu kena buat tu. Kepandaian mursyid masing-masing la. Ha jadi sebenarnya, kerohanian ni akan sabit macam tu”. Seorang usahawan boleh mengawal nafsu dan menyucikan hati apabila sanggup berkorban masa untuk bergelar anak didik. Inilah isu paling mencabar dalam kehidupan seorang usahawan yang hidup selesa di kemuncak kemewahan.

Dalam prinsip asas kerohanian Islam, syarat khusus yang ketiga ialah setiap usahawan Melayu wajib berbaiat kepada seorang sahaja guru mursyid. Kegiatan berikrar adalah proses janji setia untuk mencapai unsur-unsur mengetahui, memahami, menghayati, dan merasakan atau mengecap dalam membina hubungan dengan Allah SWT. Berikrar dilakukan di hadapan guru mursyid semasa pertemuan pertama untuk memulakan jalan kerohanian. Setiap usahawan harus mengakui bahawa kehidupan di dunia hanyalah sementara dan akan menuju ke akhirat selama-lamanya.

Perkataan baiat di dalam kontek yang umum membawa maksud perjanjian, penobatan, pengukuhan, dan persumpahan. Namun perkataan baiat dalam bahasan tarekat merupakan janji

setia yang biasanya diucapkan oleh calon seorang murid di hadapan mursyid untuk menjalankan segala persyaratan yang ditetapkan oleh seorang mursyid dan tidak akan melanggarnya sesuai dengan syariat agama Islam (Alya & Muhammad Hazmi Fuad 2019).

Menurut peserta kajian PK5 (UT, Ustaz Zamani) menyatakan “*Kerohanian bagi saya adalah ketenangan fikiran dan hati*”. Usahawan perlu menyucikan hati dan menyihatkan fikiran agar dapat hidup dengan tenang dan tenteram di dunia ini tanpa perasaan hasad dengki, benci dan fitnah terhadap orang lain. Inilah matlamat sebenar bagi setiap orang yang menceburi bidang keusahawanan sama ada yang bertarekat atau tidak.

Dalam prinsip asas kerohanian Islam, syarat khusus keempat ialah setiap usahawan Melayu hendaklah memahami dan mengetahui jalur sanad guru mursyid mereka. Sanad tariqah ialah rangkaian hubungan guru terdahulu yang menelusuri silsilah (nasab rohani) sehingga sampai kepada Nabi Muhammad SAW. Sejahat-jahat dalam kehidupan seorang usahawan ialah mengambil dua atau tiga baris sanad daripada guru-guru mursyid dalam pembangunan rohani. Adab (adab) yang dituntut dalam perjalanan kerohanian seorang usahawan tariqah ialah hanya mempunyai satu baris sanad daripada guru mursyid untuk membina hubungan dengan Allah SWT.

Menurut Alya dan Muhammad Hazmi Fuad (2019) menyatakan sanad itu bagaikan tanda nama dan legitimasi sebuah tarekat, yang menjadi kayu ukur sesuatu tarekat itu muktabaroh atau tidak. Sanad tarekat adalah nisbah hubungan guru terdahulu sambung menyambung antara satu sama lain sampai kepada Nabi SAW. Hal ini harus ada sebab bimbingan kerohanian yang diambil dari guru-guru itu harus benar-benar berasal dari Nabi SAW. Kalau tidak demikian, bererti tarekat tersebut dianggap terputus dan tidak sah. Sanad tarekat berisi rangkaian nama-nama guru yang sangat panjang, yang satu bertali dengan yang lain. Biasanya tertulis rapi dalam bahasa Arab, di atas sepotong kertas yang diserahkan kepada murid tarekat sesudah ia melakukan latihan dan amalan-amalan dan sesudah menerima petunjuk (*irsyad*) dan peringatan (*talqin*) serta sesudah membuat janji (*baiat*) untuk tidak melakukan maksiat sekaligus menerima ijazah sebagai tanda meneruskan pelajaran tarekat kepada orang lain.

Asas kerohanian wujud dalam amalan dan akhlak seorang guru mursyid. Maka akan diperlihatkan sifat guru mursyid kepada anak muridnya. Jadi, murid-murid akan mendapat asas kerohanian daripada watak seorang guru mursyid. Tapak asas sedang dibina di dalam hati dari saat perjalanan bermula menuju ke hadrat Allah SWT. Sifat *adabiah* dalaman seperti pemaaf, tenang, sabar, bersyukur, dan reda akan dicontohi oleh murid. Transmisi kerohanian akan membawa kehidupan seorang usahawan mengikut watak guru yang mursyid sama ada sifat batin atau zahir.

Menurut peserta kajian PK7 (UT, Dr Syuhadak) menyatakan bahawa “sekiranya hendak menuju ke hadrat Allah SWT, hendaklah melalui satu pintu rantai sahaja, bukan dua atau tiga pintu, nanti kamu tidak akan sampai”. Ramai yang beranggapan dengan banyaknya sanad yang diambil dari guru-guru mursyid yang ramai, mereka akan lebih maju dalam bidang kerohanian. Dalam prinsip kerohanian Islam, setiap orang hanya boleh memiliki satu sanad melalui seorang sahaja guru mursyid.

(iii) *Ketiga usahawan Melayu mesti mempunyai amalan yang umum.*

Dalam prinsip asas kerohanian Islam, amalan umum yang wajib dilakukan oleh setiap usahawan Melayu ialah puasa, solat fardu, solat sunat, solat hajat, solat tahjud, solat dhuha, zakat, zikir pagi dan petang, istikharah, istisyyarah, taubat, istighfar, selawat, membaca al-Quran, amalan sunnah dan berdoa. Selain itu, terdapat juga amalan umum yang lain dan selalu dilakukan oleh usahawan Melayu seperti sedekah, infaq, wakaf, dan umrah. Kesemua amalan umum yang dinyatakan adalah sangat bergantung kepada keadaan semasa kerohanian yang dimiliki oleh seseorang usahawan. Mereka akan dapat banyak melakukan amalan umum apabila keadaan kerohanian stabil dan pada kedudukan yang tinggi. Mereka juga akan menjadi lemah untuk membuat amalan umum apabila keadaan kerohanian tidak stabil dan pada kedudukan yang rendah.

Menurut peserta kajian PK2 (UT, Tuan Guru Sidek Noor) menyatakan bahawa “ Usahawan yang pertama sekali dia kena pelihara sembahyang. Pelihara sembahyang. Lepas tu dia ambik masa amalan-amalan sunat. Bukan fardu sahaja, amalan sunat sekali, terutama solat dhuha. Sunat dhuha”. Menurut beliau lagi “Supaya makna kata ibadat jadi roh, bila ibadat ni jadi roh, ibadat ni kawal dia, jaga dia. Bila teringan nak buat benda-benda pelik, dia tak pi dah..dia terbreak.terbreak. sebab dia telah maknanya dipelihara oleh Allah SWT”.

Menurut peserta kajian PK6 (UT, Tuan Aminnuddin Yahya) menyatakan bahawa “ ada yang membangun kerohanian tinggi kerana banyak infaq. Ada yang banyak berpuasa, ada yang banyak berjaga malam untuk solat, ada yang membaca al-Quran, ada yang kerana pergi berjihad. Ada yang berjiwa tinggi semata-mata dengan ikhlas, tidak perlu melakukan banyak amalan”. Sementara peserta kajian PK2 (UT, Tuan Guru Sidek Noor) menyatakan bahawa “ Kerohanian ni amalan-amalan sunat dia kena ikut sekali. Terutama bangun malam, bangun malam, bangun malam, inshaallah dia akan baik dengan pekerja-pekerja dia. Pembantu-pembantu dia. Pembantu cukup seronok duk kerja dengan dia. Depa tak kira tenaga, kira tulang kederat..mereka hidup dalam keadaan makna kata bekerja ni penuh keseronokan”.

Menurut peserta kajian PK3 (UT, Ustaz Hassan Wahab) menyatakan “Pertama dengan memperbanyakkan sedekah ini dia membersihkan, bukan sahaja harta kita, bahkan membersihkan rohani kita, membersihkan diri kita, dan merendahkan hawa nafsu kita”. Seterusnya, beliau turut menyatakan bahawa “ amalan kerohanian terbaik seorang usahawan, yang pertama sekali ialah solat sunat dhuha. Solat sunat dhuha ni, msyaallah, tabarakallah, memang bukan sahaja sunat, tetapi mujarab. Mujarab, kita bila dalam amalan ini, ya ada amalan daripada Al Quran yang wajib, ada yang sunat, dan ada amalan yang mujarab. Kita kena ingat. Dia takde dalam Al quran. Takde dalam sunah, tapi dia mujarab. Ni yang ramai orang tak tahu”.

Manakala, peserta kajian PK6 (UT Tuan Aminnuddin Yahya) menyatakan usahawan Melayu hari ini yang memiliki prinsip kerohanian Islam akan dapat membawa ketenangan dalam hati dan membawa kelancaran rezeki dalam kehidupan mereka. Konsep rezeki yang jelas akan terzahir apabila usahawan Melayu dapat membina hubungan dengan Allah SWT melalui amalan-amalan seperti sembahyang, puasa, doa dan sebagainya. Berikut adalah kenyataan beliau“ Jadi yang pertama bukan sahaja hati tu tenang yang kedua rezeki pun masuk dan kita, kerohanian juga termasuk dalam kita kena jaga bukan saja peribadi kita ini, hubungan kita dengan Allah SWT, sembahyang, puasa, dan sebagainya la kan. Doa”.

(iv) Keempat usahawan Melayu mesti mempunyai amalan khusus

Dalam prinsip asas kerohanian Islam, amalan khusus yang wajib diterapkan oleh setiap pengusaha tariqah ialah zikir tarekat, suluk, dan suhba, berkhidmat kepada guru dan ahli keluarganya. Peranan zikir tarekat memastikan seseorang usahawan itu melibatkan diri dalam kumpulan tarekat. Aktiviti suluk dan suhba merupakan kuliah bimbingan rohani dan jasmani yang diadakan sebulan sekali, bergantung kepada syarat yang ditetapkan oleh guru mursyid. Sedangkan khidmat adalah amalan yang sangat tinggi nilainya di sisi Allah SWT. Semua amalan khusus ini memerlukan semangat yang tinggi untuk istiqamah (tetap teguh) sehingga setiap usahawan yang berniat baik dapat merasai nikmat dan kemanisan mengembangkan kerohanian.

Menurut peserta kajian PK7 (UT, Dr Syuhadak) menyatakan bahawa “ tidak ramai usahawan yang ingin mengamalkan zikir kerana masa mereka terhad...jadi jika anda boleh membawa amalan zikir ke dalam kehidupan atau dalam perniagaan, inshaAllah anda akan berjaya”. Seterusnya, peserta kajian PK4 (UT, Dr. Surtahman Kastin) menyatakan bahawa “ apabila kita sakit kronik, kita terus ke hospital, tetapi jika rohaniah dalaman kita semakin teruk, kita biarkan sahaja. Maka suhba ini seperti mendapat rawatan atau penawar penyakit rohani kita”. Manakala, peserta kajian PK1 (UT, Tuan Guru Syeikh Zainul Asri) menyatakan bahawa “ ramai ahli Tariqah terlepas peluang untuk berbakti sepenuhnya dan bersungguh-sungguh kepada guru mursyid kita atau ahli keluarganya. Dengan perkhidmatan, kita akan mencapai kemajuan rohani”.

Menurut peserta kajian PK5 (UT, Ustaz Zamani) menyatakan bahawa “ Jadi amalan dia mesti ada amalan tarikat. Tak kisah la tarikat yang mana. Pada pandangan saya la, macam kalau nasyaqbandhi ni, dia berat sikit sebab dia kena bersuluk apa semua kan. Kalau macam chisty pun boleh, shatariah pun boleh sebab deme ni takde suluk dan sebagai nya kan. Ha jadi tak berat sikit. Tak berat. Tapi kalau nak mudah sikit, shatariah le. Sebab dia sepagi 100 belah malam 100. Dia punya zikir lailahaillallah tu”.

Jadual 2 : Analisis perbezaan di antara usahawan Melayu bertarekat dengan usahawan Melayu yang tidak bertarekat berpandukan prinsip kerohanian Islam

Perkara	Usahawan Melayu Bertarekat	Usahawan Melayu
Asas Akidah	Wajib mempunyai akidah ahli sunnah wal jamaah	Wajib mempunyai akidah ahli sunnah wal jamaah
Asas Syariat	Wajib memahami dasar hukum taklifi iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram	Wajib memahami dasar hukum taklifi iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram
Menuntut Ilmu Tasawuf	Wajib menuntut ilmu tasawuf untuk mendalami prinsip kerohanian berdasarkan kitab-kitab karangan	Harus menuntut ilmu tasawuf untuk memahami prinsip kerohanian berdasarkan kitab-

	ulama seperti Imam Al Junaidi, Imam Al Ghazali.	kitab karangan ulama seperti Imam Al Junaidi, Imam Al Ghazali.
Berkawan Dengan Ahli Sufi	Mudah untuk berkawan dengan kumpulah ahli sufi supaya dapat memahami prinsip kerohanian Islam dengan lebih mendalam.	Tidak mudah untuk berkawan dengan ahli sufi. Mereka tidak mempunyai amalan khusus untuk duduk bersama kumpulan ahli sufi.
Mempunyai Guru Mursyid	Wajib mempunyai seorang guru mursyid untuk membimbing prinsip kerohanian Islam. Latihan dan nasihat dalam bidang kerohanian untuk meningkatkan kualiti hubungan murid dengan guru mursyid.	Harus mempunyai seorang guru untuk membimbing prinsip kerohanian Islam. Tiada Latihan dan nasihat dalam bidang kerohanian akan merendahkan kualiti prinsip kerohanian Islam dalam diri usahawan.
Menjadi Murid	Wajib belajar menjadi seorang anak murid. Perubahan kehidupan dari seorang usahawan kepada seorang murid adalah perkara yang mudah. Perasaan ego, takbur, sombong telah di hilangkan untuk menjadi seorang murid.	Harus belajar menjadi seorang anak murid. Perubahan kehidupan dari seorang usahawan kepada seorang murid adalah perkara yang sukar. Perasaan ego, takbur, sombong belum di hilangkan dalam kehidupan seorang usahawan.
Berbait	Wajib berbaiat dengan seorang guru mursyid dari kumpulan tarekat yang muktabar. Prinsip kerohanian Islam akan terlaksana pada peringkat praktikal di dalam kehidupan usahawan. Natiyahnya, usahawan akan lebih memahami bidang kerohanian.	Tidak wajib untuk berbaiat dengan mana-mana guru tarekat yang muktabar. Prinsip kerohanian Islam hanya pada peringkat teori sahaja. Natiyahnya, usahawan akan menghadapi pelbagai masalah dalam bidang kerohanian.
Mempunyai Sanad	Wajib mempunyai sanad dalam bidang kerohanian yang dapat menyambung kepada Rasullulah SAW. Prinsip kerohanian Islam akan berkembang pesat dalam kehidupan usahawan.	Tidak wajib mempunyai sanad dalam bidang kerohanian. Prinsip kerohanian Islam lagi mudah berkembang dalam kehidupan usahawan sekiranya mereka mempunyai sanad.
Mempunyai Amalan Umum	Wajib mempunyai amalan umum seperti solat, puasa, dan zakat untuk	Wajib mempunyai amalan umum seperti solat, puasa, dan zakat

menstabilkan prinsip kerohanian untuk penyatuan prinsip yang sedang mereka bawa dalam kerohanian yang sedang mereka diri dan perniagaan. bawa dalam diri dan perniagaan.

Mempunyai Amalan Khusus	Wajib mempunyai amalan khusus seperti suhah, suluk, khidmat, zikir. Amalan ini akan meningkatkan kualiti prinsip kerohanian Islam dan mereka akan lebih menjwai fadilat amalan tersebut.	Tidak wajib mempunyai amalan khusus dan cukup sekadar mempunyai amalan umum sahaja. Ini akan melambatkan usahawan untuk mendalami dan memahami prinsip kerohanian Islam.
-------------------------	--	--

Kesimpulan

Dari segi kerohanian zaman moden, semua usahawan mesti berpengetahuan luas tentang hal kemanusiaan kerana keadaan hari ini menyebabkan usahawan mudah putus asa, cepat bergaduh, memfitnah orang lain, sombong, membazir dan sebagainya. Peranan usahawan hari ini adalah peka terhadap semua perkara yang berkaitan dengan umat Islam; yang lapar perlu diberi makan, keadaan yang menyedihkan untuk dihiburkan, dan yang kalah perlu dibantu untuk mengatasi kerugian mereka. Perkara seperti ini dilihat memberi impak yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan hanya duduk di sejadah atau memegang tasbeih. Inilah kejayaan sebenar seorang usahawan yang membangunkan kerohanian.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada projek penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang berdaftar secara rasmi dengan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah kod pendaftaran [FRGS/1/2023/SSI13/UKM/ 02/].

Rujukan

- Adib, Mohd, Abd Muin, Azizi Abu Bakar, and Shuhairimi Abdullah. 2014. "Model Usahawan Berjaya Dalam Amalan Nilai-Nilai Murni Keusahawanan Sosial Islam." *Journal of Human Development and Communication* Volume 3 : 129–41.
- Adi Setia. 2020. *Ekonomi Ihsani: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Rihla Media
- Ainun Jariah. 2016. "Amalan Budaya Sihir (Santau) Dan Rawatan Dalam Masyarakat Melayu." Universiti Malaysia Sarawak.
- Ayla, Riscy Zhuni Tisa dan Muhammad Hazmi Fuad. 2019. " Prinsip-prinsip Dasar Tarekat: Muktabarah". Fakultas Ushuluddin dan Muhaniora. UIN Walisongo Semarang.
- Azmi, Ilhaamie Abdul Ghani. 2008. "Pembangunan Modal Insan dalam Menjayakan Perniagaan Dari Perspektif Islam." *Jurnal Usuluddin* 28: 123–38.

- Badaruddin, Faudzinaim, and Muhammad Khairi Mahyuddin. 2021. "Autoriti Sanad Tarekat Dan Peranannya Dalam Ilmu Tasawuf." *International Journal of Islamic Thought* 20: 34–44.
- Beekun, Rafik. 1997. *Islamic Business Ethics*. Herdon: IIIT Publications.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. 1986. *Ihya' Ulum al-Din*. Dar al-Fikr, Beirut, Lubnan.
- Hadzrullathfi, Syed, Syed Omar, and Nurul Aarifah Musa. 2015. "Tarekat Sufi Suatu Keperluan Zaman : Sorotan Pandangan Badiuzzaman Said Al-Nursi." 6-7 September 2015 – Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia Proceedings of ICIC2015 – *International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century e* : 978-967-13705-0-6, no. September: 413–18.
- Hanapi, Mohd Shuri, and Siti Mastura Muhammad. 2017. "Model Kepenggunaan-Wasatiyyah Untuk Mengimbangi Fenomena Kepenggunaan Dalam Sistem Ekonomi Liberal-Kapitalis : Satu Sorotan." *GJAT* 7 (2): 137–54.
- Hawwa. S. 1979. *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Arabiah
- Hawwa, S. 2004. *Tarbiyatuna al-Ruhiyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn Qayyim. 2005. *Risālah fī Amrāḍ al-Qulūb (Fikh Tasawuf: Kaedah-Kaedah Rawatan Penyakit Hati)*, terj. Harun al-Rasyid. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Iqbal Ramadhan, Moh. 2022. "Pemaknaan Konsep Agama Perspektif Tarekat." *Al-Mutharahah: Jurnal Penelitian Dan Kajian Sosial Keagamaan* 19 (1): 50–63.
- Joni, Tamkin Borhan. 2008. "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam." *Jurnal Usuluddin* 27: 93–107.
- Mardani, Dede Aji. 2019. "Spiritual Entrepreneurship Dalam Pemberdayaan." *Jurnal Ekonomi Syariah* 4 (2): 104–13.
- Mohd Sabri Mamat, Syed Najmuddin Syed Hassan, and Abdul Halim Tamuri. 2009. "Amalan Ibadat Harian Dan Sumbangannya Kepada Kecerdasan Emosi Remaja." *Journal of Islamic and Arabic Education* 1 (1): 29–40.
- Mohd. Zain Bin Mubarak, Mohd Rafi Yaacob, and Asyraf Ab Rahman. 2014. Spirituality in Islamic entrepreneurship: Motivation and achievements of successful entrepreneurs in Kelantan. *Journal of Techno Social*, Vol 6. No 2.
- Mohd Zain Mubarak, Asyraf Hj Abd. Rahman Dan Mohd Rafi Yaacob. 2015. Elemen kerohanian dalam keusahawanan Islam: Kajian terhadap usahawan berjaya di Negeri Kelantan. *Journal of Business and Social Development* 3(1): 43-53.
- Muhammad Faiz. 2017. "Memahami Makna Tasawuf Dan Kedudukannya Dalam Islam." Bangi, Selangor.
- Al-Qaradhawi, Yusuff. 2001. *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islami*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- Ram Al Jaffri Saad, Zainol Bidin, Kamil Md Idris, and Md Hairi Md Hussain. 2007. Laporan Kajian "Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan," Muka surat 391. Fakulti Perakaunan, .Univertisi Utara Malaysia.
- Surthaman Kastin 2020. Tajuk Temubual ialah Pembinaan Model Kerohanian Untuk Usahawan Melayu Di Malaysia. Temu bual ini dijalankan pada 10 Julai 2020 di Masjid Universiti, UKM Bangi, Selangor pada jam 9.30 malam.

- Syamsuri, and Muhammad Ridwan. 2019. "Konsep Adil Dan Ihsan Dalam Transaksi Ekonomi Menurut Imam Al-Ghazali Dan Pengaruh Tasawuf Terhadapnya." *Tasfiah: Journal Pemikiran Islam* 3 (1): 67–92.
- Syed Nawab Haidar Naqvi. 1981. *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*. London: Published by the Islamic Foundation.
- Syeikh Zainul Asri. 2020. Tajuk Temubual ialah Pembinaan Model Kerohanian Untuk Usahawan Melayu Di Malaysia. Temu bual ini dijalankan pada 15 Julai 2020 di Madrasah Darul Hadis, Kuala Nerang, Kedah pada jam 8.30 pagi.
- Syuhadak 2020. Tajuk Temubual ialah Pembinaan Model Kerohanian Untuk Usahawan Melayu Di Malaysia. Temu bual ini dijalankan pada 8 Julai 2020 di Surau Ahmadiyah, Sikamat, Seremban, Negeri Sembilan Selangor pada jam 10.00 malam.
- Tuan Aminnudin Yahya. Tajuk Temubual ialah Pembinaan Model Kerohanian Untuk Usahawan Melayu Di Malaysia. 2020. Temu bual ini dijalankan pada 14 Julai 2020 di Jamal, Amin & Partners, Setapak, Kuala Lumpur pada jam 9.00 pagi.
- Tuan Guru Sidek Noor. 2020. Tajuk Temubual ialah Pembinaan Model Kerohanian Untuk Usahawan Melayu Di Malaysia. Temu bual ini dijalankan pada 21 Julai 2020 di Pejabat Pondok Qiam, Trong, Taiping, Perak pada jam 3.00 petang.
- Ustaz Hassan Wahab. 2020. Tajuk Temubual ialah Pembinaan Model Kerohanian Untuk Usahawan Melayu Di Malaysia. Temu bual ini dijalankan pada 12 Julai 2020 di Nasi Kandar Ayza, Bandar Baru Bangi, Selangor pada jam 11.00 pagi.
- Ustaz Mohammad Zamani. 2020. Tajuk Temubual ialah Pembinaan Model Kerohanian Untuk Usahawan Melayu Di Malaysia. Temu bual ini dijalankan pada 23 Julai 2020 di Pondok Darul Tuhid, Kampung Gajah, Perak pada jam 2.30 petang.
- Wahid, Normilia Abd, Nurul Nadia, and Abd Aziz. 2015. "Menerapkan Budaya Niaga Islam Di Kalangan Usahawan Melayu." In *KONAKA*, 254–58.
- Yuliyatul Hijriah, Hanifiyah. 2016. "Spiritualitas Islam Dalam Kewirausahaan." *Tsaqafah* 12 (1): 187–208.
<https://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/tsaqafah/article/view/374/367>.
- Yussof, Ishak, Khairunnisa Mardzuki, Zaimah Darawi, and Mohd Shukri Haji Noor. 2011. "Faktor Keusahawanan Dan Prestasi Kejayaan Usahawan Melayu Di Pulau Langkawi , Kedah." *Prosiding Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VI* 2: 196–207.
- Zabidi, Ahmad Fakhurrrazi Mohammed, Abu Yazid Abdul Kadir, and Salmy Edawaty Yaacob. 2023. "Principles of Islamic Spirituality Towards Producing Successful Entrepreneurs : Perspective of Tariqah Entrepreneur." *Islamiyyat* 45 (1): 181–93.